



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL DAN HUBUNGANNYA DENGAN AMALAN
PEMBELAJARAN PROFESIONAL DI SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI
NEGERI SELANGOR

RODZIMAH BINTI MOHD RODZI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
MODE PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kepimpinan instruksional guru besar dan hubungannya dengan amalan pembelajaran profesional guru di sekolah berprestasi tinggi negeri Selangor. Reka bentuk kajian kuantitatif dipilih dengan menggunakan kaedah tinjauan deskriptif untuk menjawab persoalan kajian dan hipotesis. Satu set instrumen telah digunakan untuk menilai kepimpinan instruksional guru besar dan amalan pembelajaran profesional guru di sekolah kajian. Seramai 244 orang guru dari enam buah sekolah berprestasi tinggi negeri Selangor telah dipilih menjadi responden menggunakan teknik persampelan rawak bersistematis. Analisis statistik deskriptif iaitu skor min serta sisihan piawai dan inferensi seperti ujian *t*, ANOVA dan analisis korelasi *Pearson* telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara kepimpinan instruksional guru besar dengan amalan pembelajaran profesional guru. Kajian ini juga mendapati kepimpinan instruksional guru besar dan amalan pembelajaran profesional guru berada pada tahap yang tinggi. Kajian ini telah menunjukkan bahawa pemimpin sekolah telah melaksanakan kepimpinan instruksional serta menitikberatkan amalan pembelajaran profesional guru seperti yang termaktub dalam PPPM 2013-2025. Impak kajian ini menunjukkan bahawa amalan pembelajaran profesional guru yang proaktif dengan sokongan padu dari kepimpinan instruksional guru besar dipercayai memberi impak positif terhadap kualiti pembelajaran murid dalam bilik darjah.





INSTRUCTIONAL LEADERSHIP AND ITS RELATIONSHIP WITH PROFESSIONAL LEARNING PRACTISE IN HIGH PERFORMANCE SCHOOLS IN SELANGOR

ABSTRACT

The objective of this study is to identify the principal's instructional leadership and its relationship with teacher's professional learning practise in high performance schools of Selangor. A quantitative research design is selected using descriptive survey method to answer the research questions and hypotheses. A set of instrument is used to evaluate the implementation of principal's instructional leadership and teacher's professional learning practise in selected school. 244 teachers from six high performing schools of Selangor were chosen as respondents using the systematic random sampling. Descriptive statistic analysis such as score mean, standard deviation and inferential statistic such as t-test, ANOVA and Pearson Correlation are used to answer the research questions. Overall, the findings show that there is positively significant relationship between the principal's instructional leadership and the teacher's professional learning practice. This study has also indicates that both principal's instructional leadership and teacher's professional learning are being practised at high level. This study also shows that the school leaders have been implementing instructional leadership and emphasize the practice of teacher professional learning as set out in the Blueprint 2013-2025. The impact of this study shows a proactive teachers' professional learning practice supported by the principal instructional leadership will led to positive impacts towards students' learning quality in the classroom.



**KANDUNGAN**

	Muka surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA/ISTILAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Kerangka Konseptual Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	16
1.5.1 Objektif Umum	16
1.5.2 Objektif Khusus	16
1.6 Persoalan Kajian	17



1.7 Hipotesis Nul	17
1.8 Kepentingan Kajian	18
1.9 Definisi Operasional	20
1.9.1 Kepimpinan Instruksional	20
1.9.2 Guru Besar dan Pengetua	21
1.9.3 Amalan Pembelajaran Profesional Guru	22
1.9.4 Sekolah Berprestasi Tinggi	23
1.10 Batasan Kajian	25
1.11 Rumusan	25
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	27

2.1 Pengenalan	27
2.1.1 Kepimpinan Instruksional	28
2.1.2 Amalan Pembelajaran Profesional	34
2.1.3 Hubungan Antara Kepimpinan Instruksional Dan Amalan Pembelajaran Profesional Guru	37
2.1.4 Kajian Dalam dan Luar Negara Hubungan Antara Kepimpinan instruksional Dan Amalan Pembelajaran Profesional Guru	40
2.2 Teori Kepimpinan Instruksional	42
2.2.1 Teori Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1987)	43
2.2.2 Teori Kepimpinan Instruksional Dwyer (1984)	44
2.2.3 Teori Kepimpinan Instruksional Murphy(1987)	46

2.3 Teori Pembelajaran Profesional	48
2.3.1 Amalan Pembelajaran Kendiri	50
2.3.2 Amalan Pencerapan dan Pentaksiran	50
2.3.3 Amalan Penyelesaian Masalah	51
2.3.4 Amalan Latihan	52
2.3.5 Amalan Kajian Tindakan	53
2.3.6 Amalan Portfolio Profesional	53
2.3.7 Amalan Kumpulan Pembelajaran	54
2.4 Rumusan	55
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	56
3.1 Pengenalan	56
3.2 Reka bentuk Kajian	56
3.2.1 Pendekatan Pengumpulan Data	57
3.3 Populasi Dan Sampel Kajian	58
3.4 Instrumen Kajian	60
3.5 Kajian Rintis	61
3.6 Kesahan Dan Kebolehpercayaan	61
3.6.1 Kesahan Kandungan	62
3.6.2 Kesahan Konstruk	63
3.7 Prosedur Penganalisan Data	66
3.7.1 Ujian Taburan Normaliti	66

3.7.2 Analisis Deskriptif	67
3.7.3 Analisis Inferensi	68
3.7.3.1 ANOVA dan Ujian <i>t</i>	69
3.7.3.2 Analisis Korelasi <i>Pearson</i>	69
3.8 Rumusan	70
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	71
4.1 Pengenalan	71
4.2 Analisis Deskriptif	73
4.2.1 Profil Responden Kajian	73
4.2.2 Analisis Data Deskriptif (Bilangan, Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap)	74
4.2.3 Pengesanan Kepelbagaian dan Kestabilan Pemboleh Ubah Kajian	77
4.3 Analisis Inferensi	80
4.4 Rumusan	91
BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	92
5.1 Pengenalan	92
5.2 Ringkasan Kajian	92
5.3 Ringkasan Dapatan Kajian	95
5.3.1 Profil Responden	95
5.3.2 Tahap Kepimpinan Instruksional Guru Besar	95
5.3.3 Tahap Amalan Pembelajaran Profesional Guru	96

5.3.4 Perbandingan antara Guru Lelaki dengan Guru Perempuan terhadap Kepimpinan Instruksional	96
5.3.5 Perbandingan antara Guru Lelaki dengan Guru Perempuan terhadap Amalan Pembelajaran Profesional Guru	97
5.3.6 Perbandingan antara Pengalaman Mengajar terhadap Kepimpinan Instruksional Guru Besar	98
5.3.7 Perbandingan antara Pengalaman Mengajar terhadap Amalan Pembelajaran Profesional Guru	99
5.3.8 Hubungan yang Signifikan antara Kepimpinan Instruksional dengan Amalan Pembelajaran Profesional Guru	100
5.4 Perbincangan Dapatan Kajian	100
5.4.1 Pandangan Guru terhadap Kepimpinan Instruksional	101
5.4.1.1 Pandangan Guru terhadap Peranan Merangka Matlamat Sekolah	102
5.4.1.2 Pandangan Guru terhadap Peranan Menyelia dan Menilai Instruksional	104
5.4.1.3 Pandangan Guru terhadap Peranan Membangunkan Amalan Pembelajaran Profesional	106
5.4.1.4 Pandangan Guru terhadap Peranan Menyediakan Insentif Kepada Murid	108
5.4.2 Pandangan Guru terhadap Amalan Pembelajaran Profesional Guru	110
5.4.2.1 Pandangan Guru terhadap Amalan Pembelajaran Arahan Kendiri	112
5.4.2.2 Pandangan Guru terhadap Amalan Pembelajaran Berkumpulan	114
5.4.2.3 Pandangan Guru terhadap Amalan Latihan	116
5.4.2.4 Pandangan Guru terhadap Amalan Membangunkan Portfolio Profesional	118

5.4.3 Perbezaan Pandangan Guru berdasarkan Faktor Jantina terhadap Kepimpinan Instruksional dan Amalan Pembelajaran Profesional Guru	119
5.4.4 Perbezaan Pandangan Guru berdasarkan Faktor Pengalaman Mengajar terhadap Kepimpinan Instruksional dan Amalan pembelajaran profesional guru	120
5.4.5 Hubungan antara Kepimpinan Instruksional dengan Amalan Pembelajaran Profesional Guru	121
5.5 Implikasi Dapatan Kajian	123
5.5.1 Teori	123
5.5.2 Praktikal	126
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan	130
5.7 Rumusan	133

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka surat
2.1	Matriks Komponen Teori Pembelajaran Profesional	49
3.1	Senarai Sekolah dan Bilangan Sampel	58
3.2	Penilaian Panel Terhadap Instrumen Kepimpinan Instruksional Guru Besar dan Amalan Pembelajaran Profesional	63
3.3	Indeks Kesepadanan untuk Analisis Faktor Eksploratori (EFA)	64
3.4	Kesahan Konstruk Menggunakan Analisis Faktor Eksploratori dan Nilai Keseragaman Item	64
3.5	Kesahan Konstruk Menggunakan Analisis Faktor Eksploratori dan Nilai bagi Setiap Faktor dalam Soal Selidik Kepimpinan Instruksional	65
3.6	Kesahan Konstruk menggunakan Analisis Faktor Eksploratori dan Nilai Bagi Setiap Faktor Dalam Soal Selidik Amalan Pembelajaran Profesional	65
3.7	Garis Panduan bagi Skor Min Pemboleh ubah Kepimpinan Instruksional	68
3.8	Garis Panduan bagi Skor Min Pemboleh ubah Amalan Pembelajaran Profesional	68
3.9	Garis Panduan Nilai Pekali Korelasi Pemboleh ubah	70
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina dan Pengalaman	74
4.2	Garis Panduan bagi Skor Min Pemboleh ubah bagi Kepimpinan Instruksional	75
4.3	Garis Panduan bagi Skor Min Pemboleh ubah bagi amalan Pembelajaran Profesional	75





4.4	Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Kepimpinan Instruksional	76
4.5	Skor Min dan Sisihan Piawai Amalan Pembelajaran Profesional	77
4.6	Min, Sisihan Piawai, Kepencongan dan Kecerunan bagi Pemboleh ubah Kepimpinan Instruksional (n=244)	78
4.7	Min, Sisihan Piawai, Kepencongan dan Kecerunan bagi Pemboleh ubah Amalan Pembelajaran Profesional (n=244)	78
4.8	Jadual Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	79
4.9	Ujian t Perbandingan Kepimpinan Instruksional Berdasarkan Jantina Guru	81
4.10	Ujian t Perbandingan Amalan Pembelajaran Profesional Berdasarkan Jantina Guru	82
4.11	Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Perbandingan Kumpulan Pengalaman Mengajar terhadap Kepimpinan Instruksional	84
4.12	Rumusan Skor Min Kumpulan Pengalaman Mengajar Terhadap Kepimpinan Instruksional	85
4.13	Rumusan Ujian ANOVA Satu Hala Perbandingan Kumpulan Pengalaman Mengajar Terhadap Amalan Pembelajaran Profesional	86
4.14	Ujian Post Hoc Tukey Perbandingan Antara Pengalaman Mengajar Terhadap Amalan Pembelajaran Arahan Kendiri	87
4.15	Rumusan Skor Min Kumpulan Pengalaman Mengajar Terhadap Amalan Pembelajaran Profesional	88
4.16	Garis Panduan Nilai Pekali Korelasi Pemboleh ubah	89
4.17	Matriks Korelasi antara Pemboleh Ubah Kajian	90





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1	Kepimpinan instruksional Hallinger dan Murphy (1987)	11
1.2	Kerangka konseptual kajian.	155
2.1	Peranan guru besar dalam kepimpinan instruksional oleh Dwyer, (1984)	455
2.2.	Teori Tekanan Akademik oleh Murphy (1987)	477



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA/ISTILAH**

LDP	Latihan Dalam Perkhidmatan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SBT	Sekolah Berprestasi Tinggi
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
CAQDAS	<i>Computer Assisted Qualitative Data Analysis</i>
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
EFA	<i>Exploratory Factor Analysis</i>
APA	<i>American Psychological Association</i>
PCA	<i>Principal Component Analysis</i>
ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PIMRS	<i>Principal Instructional Management Rating Scale</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan





SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

- A Instrumen Kajian
- B Jadual Penentuan Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970)
- C Penilaian Pakar Terhadap Item Instrumen
- D Jadual Taburan Normal
- E Analisis Faktor Eksploratori
- F Analisis Ujian t
- G Analisis ANOVA
- H Analisis Ujian *Post Hoc*
- I Analisis Korelasi
- J Surat Kebenaran Menjalankan Kajian





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



05-4506832 Kepimpinan sekolah yang efektif memberi impak yang besar terhadap kecemerlangan dan kejayaan sesebuah sekolah. Guru besar selaku pemimpin di sekolah rendah memainkan peranan penting dalam menggerakkan sesebuah sekolah itu supaya sentiasa maju ke hadapan dalam mencapai kejayaan atau pun mundur ke belakang tanpa sebarang perubahan atau kejayaan. Sergiovanni (2005) telah menegaskan bahawa guru besar menerusi kepimpinannya menentukan hala tuju sesebuah sekolah sama ada dari segi iklim pembelajaran, tahap profesionalisme dan motivasi guru serta kemenjadian murid di sekolahnya. Tambahnya lagi kepimpinan guru besar berfungsi sebagai kunci kepada kejayaan sesebuah sekolah itu.

Dalam masa yang sama, kajian-kajian pendidikan juga telah membuktikan bahawa peranan terpenting yang akan menentukan sama ada seseorang guru besar tersebut dikategorikan sebagai efektif atau sebaliknya diukur kepada kemampuan





mereka melaksanakan tugas sebagai pemimpin instruksional. Menurut Horng dan Loeb, (2010) seorang pemimpin sekolah yang efektif mesti memberi fokus utama kepada memperbaiki dan meningkatkan mutu instruksional di bilik darjah ke tahap yang maksimum dalam usaha untuk membawa kejayaan kepada sekolah. Hallinger (2011), dalam analisis beliau terhadap kajian-kajian berkaitan peranan pemimpin sekolah dalam pembangunan instruksional yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik pendidikan selama lebih 20 tahun, turut merumuskan bahawa pemimpin sekolah perlu berperanan sebagai pemimpin instruksional yang efektif di sekolah.

Namun begitu, seperti yang dinyatakan oleh Sergiovanni (2005), guru besar yang cemerlang tidak dapat melahirkan kejayaan tanpa tenaga pelaksanaannya iaitu guru yang efektif. Ini adalah kerana kecemerlangan dan peningkatan dalam prestasi sesebuah sekolah berpandu daripada tiga aspek berikut iaitu kepimpinan dan pentadbiran serta pembangunan pembelajaran profesionalisme guru, pengajaran dan pembelajaran (Norashikin, Ramli & Nurnazahiah, 2013). Sehubungan dengan itu, bermula pada tahun 2014, berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Kementerian Pendidikan dilihat memberi penekanan terhadap dua pemboleh ubah penting ini. Pemboleh ubah pertama adalah KPM melalui anjakan kelima PPPM 2013-2025 telah memastikan setiap sekolah ditempatkan kepimpinan berprestasi tinggi yang memainkan peranan sebagai pemimpin instruksional. Ini kerana pemimpin yang berprestasi tinggi sentiasa mengutamakan proses instruksional dan pencapaian murid dalam pembelajaran (Johnson, 2006).

Pemboleh ubah yang kedua pula adalah melalui anjakan keempat PPPM 2013-2025 KPM telah berusaha mentransformasikan profesion keguruan menjadi profesion





pilihan yang mana salah satu anjakannya berfokus kepada pembangunan amalan pembelajaran profesionalisme guru. Melalui anjakan ini, guru akan memperoleh peluang meningkatkan amalan pembelajaran profesionalisme yang menarik apabila sistem pendidikan mewujudkan budaya bimbingan rakan sejawat dalam usaha untuk meningkatkan kecemerlangan profesional menerusi pementoran, pembangunan dan perkongsian amalan terbaik, serta meningkatkan kebertanggungjawaban rakan sejawat dalam memenuhi standard profesional kerjaya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Ini adalah penting kerana guru merupakan perantara yang berhubung secara langsung dengan murid. Oleh itu, guru perlu sentiasa peka dengan pengetahuan baru dan terkini supaya dapat mendidik murid melalui pendekatan yang betul sesuai dengan alaf pendidikan abad ke 21 ini. Menurut Rosnah dan Muhammad Faizal, (2013) usaha membangunkan amalan pembelajaran profesion keguruan ini akan dapat



meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Namun begitu, dalam usaha untuk membangunkan amalan pembelajaran profesionalisme guru, campur tangan dan sentuhan dari guru besar adalah amat diperlukan (Baharom *et al.*, 2013).

Guru besar berprestasi tinggi dengan sistem sokongan kuat dalam kalangan guru-gurunya diharapkan dapat menghasilkan murid yang boleh bersaing di peringkat global seiring dengan peredaran zaman (Mohd Yusri & Aziz, 2014). Harapan kerajaan agar dapat melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual serta berupaya mencapai tahap pendidikan setinggi yang boleh. Usaha berterusan dilakukan oleh kerajaan khususnya KPM bagi memastikan sistem pendidikan negara berada pada tahap tertinggi setanding dengan pendidikan negara



maju secara berterusan. Ini adalah kerana melalui pendidikan, ekonomi dan tamadun sesebuah negara boleh dipertingkatkan selari dengan cabaran dunia masa kini .

1.2 Latar Belakang Kajian

Kepimpinan instruksional merupakan tunjang utama dalam pengurusan dan pentadbiran sesebuah sekolah. Fullan (2008) telah mengetengahkan beberapa punca kegagalan dalam pengendalian pengurusan sekolah secara berkesan. Salah satunya adalah gaya kepimpinan guru besar yang hanya berfokus kepada pengurusan pentadbiran sahaja tanpa memberi perhatian terhadap aset utama sesebuah sekolah iaitu guru-guru khususnya terhadap peningkatan pembelajaran profesional mereka. (Muzakkir & Khadijah, 2014).

Faktor kepimpinan guru besar mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan keberkesanan sesebuah sekolah. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh para penyelidik lepas sejak lebih 30 tahun yang lalu, mereka telah merumuskan bahawa kepimpinan instruksional merupakan penyumbang utama dalam menentukan kecemerlangan sesebuah sekolah (Azizi, Masitah, Nazifah, Khaidir, & Noriati, 2010). Ini diperkukuhkan lagi apabila terdapat kajian lepas yang telah membuktikan elemen paling penting dalam menentukan keberkesanan seorang pemimpin sekolah adalah seseorang yang mampu memainkan peranan sebagai pemimpin instruksional (Rosnah, 2013; Buckner, 2011; Leithwood & Levin, 2010; Shahril, 2010; Hallinger, 2008, 2011 & Fullan, 2002). Ini secara tidak langsung telah mengiktiraf kepimpinan instruksional sebagai salah satu kepimpinan yang mampu memacu kejayaan terhadap sesebuah sekolah.

Satu analisis terhadap kajian berkenaan peranan pemimpin instruksional telah dijalankan oleh penyelidik pendidikan selama hampir 30 tahun yang lepas. Berdasarkan analisis tersebut, Hallinger (2011) telah merumuskan bahawa guru besar perlu memainkan peranan selaku pemimpin instruksional yang berkesan di sekolah. Ini kerana kepimpinan guru besar telah terbukti mempunyai hubungan yang signifikan positif dengan pencapaian dan kejayaan akademik murid. Guru besar perlu memberi perhatian sepenuhnya terhadap amalan pembelajaran profesional guru secara berterusan. Khususnya dalam meningkatkan pengetahuan, pendekatan pedagogi pengajaran, serta kemahiran lain yang boleh menampung keperluan pengajaran murid di alaf baru ini. Ini disokong oleh Parker, Gallagher & Shelley (2011) yang menyatakan bahawa guru besar selaku pemimpin di sekolah sepatutnya bukan hanya memberi tumpuan pada tugas pentadbiran sahaja tetapi juga pengajaran sebagai teladan yang baik kepada guru dan murid di sekolah tersebut.

Ini diperkukuhkan lagi oleh Hallinger & Murphy (1987) yang memberi penekanan terhadap kepentingan amalan pembelajaran profesional guru untuk meningkatkan kecemerlangan sesebuah sekolah. Mereka telah menjadikan pembelajaran profesional sebagai salah satu antara sepuluh peranan yang terkandung dalam teori kepimpinan instruksional itu. Ini secara tidak langsung mengiktiraf bahawa kepimpinan instruksional guru besar mendorong kepada amalan pembelajaran profesional guru.

Justeru itu, Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dalam anjakan kelima, akan memastikan setiap sekolah, tanpa mengira lokasi dan tahap prestasi, mempunyai guru besar berprestasi



tinggi yang menumpukan dan mempraktikkan kepimpinan instruksional berbanding pentadbiran. Ini kerana masyarakat menaruh kepercayaan dan harapan yang tinggi agar pemimpin sekolah dapat mentadbir dan mengurus sekolah mengikut keperluan klien utama sesebuah sekolah iaitu murid. Seperti yang telah diutarakan oleh masyarakat ketika sesi Dialog Nasional Pendidikan Negara semasa peringkat awal proses pembentukan PPPM 2013-2025 yang mana aspek kepimpinan sekolah dianggap sebagai isu kedua terpenting dalam pendidikan selepas isu guru.

Selari dengan itu, menerusi anjakan keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 juga telah memberi fokus terhadap amalan pembelajaran profesional keguruan untuk memastikan guru-guru sentiasa didedahkan kepada dasar pendidikan semasa, ilmu pengetahuan terkini, kemahiran instruksional serta kaedah yang sesuai dalam memastikan pengajaran dan kemahiran yang disampaikan dapat difahami oleh murid dengan afektif. Ini kerana menurut Rosnah dan Muhammad Faizal (2013), usaha meningkatkan amalan pembelajaran profesional guru ini akan dapat meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Ia disokong juga oleh kajian Thoonen, Slegers, Oort dan Peetsma, (2012) yang menyatakan bahawa amalan instruksional seseorang guru boleh dipertingkatkan menerusi penglibatan guru yang proaktif dalam aktiviti pembelajaran profesional.

Di sini dapat kita kaitkan kepentingan hubungan antara peranan kepimpinan guru besar dan amalan pembelajaran profesional guru-guru dalam sesebuah sekolah. Ia penting sebagai satu usaha yang berterusan bagi membangunkan anak-anak secara menyeluruh supaya sistem pendidikan kita berupaya untuk melahirkan generasi yang dapat bersaing pada tahap global. Selari dengan anjakan paradigma yang cuba





diketengahkan oleh kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, usaha-usaha untuk meningkatkan kepimpinan instruksional di kalangan pemimpin sekolah dan amalan pembelajaran profesional keguruan diberi perhatian sepenuhnya.

Ini diperteguhkan dengan dapatan kajian oleh Hargreaves (2000) yang telah membuktikan bahawa amalan pembelajaran profesional guru sebagai unsur terpenting bagi meningkatkan komitmen mereka sebagai satu pasukan dalam merealisasikan matlamat sekolah. Menurut Hallinger (2010) kualiti guru pada masa kini berada pada tahap yang kritikal dan ini berlaku secara global. Ini sedikit sebanyak mendesak kepada satu anjakan transformasi dalam bidang pendidikan khususnya sekolah ke arah yang lebih cemerlang. Oleh sebab itu, guru perlu meningkatkan kemahiran mereka melalui amalan pembelajaran profesional supaya mereka berupaya untuk menyampaikan ilmu kepada murid dengan lebih efektif dan praktikal. Kenyataan ini disokong oleh Harris dan Jones (2010) yang menyatakan bahawa faktor yang paling utama dalam melakukan anjakan transformasi dalam pendidikan secara berterusan adalah dengan meningkatkan kualiti pedagogi guru iaitu melalui pembelajaran profesional yang berterusan.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan di Malaysia menyaran guru besar supaya mengamalkan kepimpinan instruksional di sekolah kerana diyakini menyumbang kepada pencapaian akademik murid (Hallinger, 2011). Namun begitu, kajian-kajian pendidikan telah membuktikan bahawa peranan guru besar seringkali tidak memberi kesan secara langsung terhadap



pencapaian murid (Hallinger, 2008; Leithwood & Levin, 2010; Sirinides, 2009). Kritikan- kritikan terhadap kepimpinan instruksional telah menyebut bahawa guru besar tidak mampu mempengaruhi pencapaian murid secara langsung (Leithwood & Levin, 2010). Guru besar hanya boleh mempengaruhi pencapaian murid dengan mengeksploitasi sesuatu pemboleh ubah perantara lain (Leithwood & Levin, 2010; Sirinides, 2009). Namun apakah pemboleh ubah tersebut serta bagaimana corak hubungan antara pemboleh ubah ini, serta bagaimana kepimpinan instruksional ini menyumbang kepada perkembangan ciri-ciri organisasi khususnya budaya pengajaran guru masih belum dijelaskan secara tepat (Ronald & Hallinger, 2010), khususnya dalam persekitaran pendidikan kebangsaan.

Selain kepimpinan instruksional guru besar, guru juga adalah faktor penting yang akan menentukan kejayaan sekolah. Namun dapatan-dapatan kajian melaporkan guru sering hilang keyakinan atau efikasi dan hilang fokus kepada tugas pengajaran dan pembelajaran sekali gus menyebabkan kompetensi pengajaran lemah (Mohd. Yusri & Aziz, 2014). Fenomena ini seringkali menyebabkan gejala stress dan burnout di kalangan guru (Sipon, 2010). Sekali gus menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Amalan pembelajaran profesional guru dipercayai mampu meningkatkan keyakinan diri guru apabila mereka memiliki kekuatan ilmu yang tinggi dan penguasaan trend pendidikan yang kontemporari. Ini pastinya akan dapat membantu mereka mendidik murid dengan lebih efisien dan dedikasi.

Kajian terhadap hubungan kepimpinan instruksional dan amalan pembelajaran profesional guru jarang dilakukan dalam persekitaran pendidikan Malaysia. Zubaidah (2011), telah menjalankan kajian perhubungan kepimpinan instruksional dengan



amalan pembelajaran profesional guru di sebuah sekolah di Putrajaya dan mendapati tiada hubungan yang signifikan di antara kedua pemboleh ubah tersebut. Namun begitu, kajian ini dijalankan sebelum pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Oleh itu, keutamaan kajian ini menjuruskan kepada menilai hubungan antara kepimpinan instruksional guru besar dan amalan pembelajaran profesional guru di sekolah berprestasi tinggi ini setelah pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 berjalan selama tiga tahun. Ini kerana amalan pembelajaran profesional guru-guru melalui kepimpinan instruksional guru besar dipercayai boleh meningkatkan proses pembelajaran murid di sekolah dengan efisien (Hafsah, Mohd Johan, Siti Patimah, & Tajul Ariffin, 2012).



1.4 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka kajian ini adalah berasaskan kepada teori kepimpinan instruksional Hallinger dan Murphy (1987) dan model pembelajaran profesional guru oleh Mahaliza (2013). Penyelidik telah memilih model Hallinger dan Murphy ini kerana teori yang dikemukakan oleh mereka ini adalah lebih terperinci dan dominan kerana ia merangkumi peranan (i) melindungi dan mengawal masa instruksional (ii) perkembangan/latihan guru bagi memajukan profesionalisme mereka (iii) mengawal mutu instruksional dan (iv) menjelaskan misi, matlamat dan dasar sekolah kepada warga sekolah, ibu bapa dan komuniti setempat.



Teori dari model Hallinger dan Murphy (1987) dilihat menekankan aspek-aspek tambahan seperti kualiti guru, ibu bapa, masyarakat setempat dan masa pembelajaran yang khusus untuk aktiviti pembelajaran murid yang didapati oleh penyelidik juga memberi impak yang besar dalam kepimpinan instruksional seseorang guru besar. Hallinger (2010) telah mendefinisikan kepimpinan instruksional dengan membahagikan kepimpinan guru besar kepada tiga dimensi utama iaitu mentakrif matlamat sekolah, mengurus program instruksional dan mewujudkan iklim pembelajaran positif di sekolah. Ketiga-tiga dimensi itu kemudiannya diolah kepada sepuluh peranan iaitu merangka matlamat sekolah, menyampaikan matlamat sekolah, menyelia dan menilai instruksional, menyelaras kurikulum, memantau kemajuan murid, memelihara masa instruksional, mengekalkan ketampakan, menyediakan insentif guru, membangunkan amalan pembelajaran profesional guru dan menyediakan insentif murid.